

### **SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AM**

- i. Karya penyertaan yang dipertandingkan adalah mengenai **Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)** atau dalam Bahasa Inggerisnya **Occupational Safety and Health (OSH)**.
- ii. Penyertaan terbuka kepada warga Malaysia yang berkhidmat sebagai wartawan / pengamal media yang berkerja sepenuh masa dengan mana-mana organisasi media cetak, penyiaran TV / radio dan portal media serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- iii. Stringer dan wartawan sambilan layak menyertai Anugerah Media MSOSH 2021.
- iv. Bahan-bahan penyertaan yang telah disiarkan dan diterbitkan mulai **1 November 2020 sehingga 10 September 2021** layak menyertai.
- v. **Penyertaan dibuka mulai 19 Julai 2021 ; tarikh tutup penyertaan pada 15 September 2021.**
- vi. Semua bahan berita/rencana bercetak; portal berita; video; radio layak dipertandingkan. Karya asli sahaja diterima.
- vii. Penghantaran bahan penyertaan adalah melalui bahan yang telah **dimuatkan ke dalam simpanan awan (cloud storage)** dan **ruangan pautan(link)** yang terdapat pada borang penyertaan hendaklah **diisi dengan pautan bahan tersebut.**

Salinan kad pengenalan dan sekeping gambar profil peserta/kumpulan hendaklah dimuatkan ke dalam simpanan awan bersama bahan penyertaan.

Boleh rujuk grafik panduan muatnaik bahan penyertaan : <https://mpi.my/wp/wp-content/uploads/2021/08/PanduanMuatNaikBahanPenyertaan.pdf>

- viii. Pautan borang penyertaan : <https://mpi.my/form/borg-penyertaan-msosh-2021>
- ix. Kesemua bahan-bahan penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak mutlak MPI.
- x. MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
- xi. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

**ISU/BIDANG/SEKTOR BERKAIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) DIBAWAH SKOP PROMOSI ANUGERAH MEDIA MSOSH 2021 :****Pengenalan**

MSOSH sebagai pertubuhan bukan kerajaan yang ditubuhkan sejak 1971 mengalu-alukan penyertaan dari rakan-rakan media dalam program Anugerah Media MSOSH 2021. Sempena dengan meraikan ulang tahun pertubuhan yang ke-50, MSOSH ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan media diatas usaha memberi pendedahan kepada orang awam berkenaan isu-isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan perkerjaan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Semoga usaha berpanjangan ini berhasil dalam mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja dan memberi impak positif kepada produktiviti dan pertumbuhan ekonomi negara.

- Isu Keselamatan Pekerja dan Awam
  - KKP dalam pembinaan dan cegah jatuh
  - KKP pembuatan dan pertanian
  - Kemalangan perjalanan
  - Pengangkutan awam: bas, lori, teksi dan e-hailing
  - Pekerja penjagaan kesihatan: masalah keletihan, tidur dan penyalahgunaan bahan terlarang
  - Tali pinggang penumpang dan tempat duduk bayi dan kanak-kanak
  - Penggunaan telefon bimbit semasa memandu
  - Keselamatan dan kesihatan kimia
  - KKP di sekolah, tahfiz & institusi kebajikan
  - Keselamatan lif dan eskalator
  - Keletihan
  - Pengurusan tidur
  - Pengurusan tekanan
  
- Isu Kesihatan Pekerjaan
  - Penyakit Covid-19
  - Bekerja dari rumah (*Work From Home, WFH*) – masalah mental, ergonomic
  - Masalah kesihatan mental di tempat kerja
  - Buli, diskriminasi dan gangguan seksual
  - Penyakit tidak berjangkit - penyakit berkaitan gaya hidup
  - Penyakit muskuloskeletal - postur & kecergasan yang lemah
  - Kanser pekerjaan, penyakit paru-paru pekerjaan contohnya. Tuberkulosis di kalangan pekerja penjagaan kesihatan
  - Penyakit kulit pekerjaan
  - Kehilangan pendengaran yang disebabkan oleh bunyi bising
  
- Ikon / Paparan Pandangan / Perspektif:
  - KKP dari pegawai kerajaan tertinggi dan kementerian, perspektif pelabur, bursa, rangkaian antarabangsa

- Komitmen pengurusan atasan untuk OSH - pemilik perniagaan, pemegang saham, Ketua Pegawai Eksekutif, dll
- Kepimpinan – Naib Pengerusi KKP, Pengurus, Sumber Manusia dan lain-lain
- Tokoh awam KKP – MNKKP, JKPP, MSOSH, CIDB, NIOSH dan sebagainya
  
- Perancangan dasar / Pelan Induk:
  - Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara
  - OSH Master Plan 2021
  - Pelan Induk MSOSH
  - NADOPOD
  - Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994)
  - SOHELP
  - Asas Kesihatan Pekerjaan (BOH)
  - Promosi Kesihatan Tempat Kerja (WHP)
  
- Isu-isu KKP mengikut kategori kakitangan:
  - Profesionalisme KKP dan Kecekapan
  - Isu-isu integriti & Etika-Rasuah dan sebagainya
  - Isu-isu autoriti, majikan, kontraktor dan pekerja
  
- Isu-isu KKP mengikut kategori pekerja:
  - (OSH4U)KKP untuk generasi muda
  - Penuaan, pekerja berusia
  - Pekerja Asing
  - KKP untuk Wanita
  
- Dan lain2 isu KKP yang relevan akan/boleh dipertimbangkan

\*\* *Istilah Bahasa Inggeris bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) adalah Occupational Safety and Health (OSH).*

## SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KHUSUS

### KATEGORI A. ANUGERAH MEDIA CETAK DAN PORTAL BERITA

Hadiah pertama	: Wang tunai RM 2,500.00, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah kedua	: Wang tunai RM 1,500.00, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah ketiga	: Wang tunai RM 1,000.00, trofi dan sijil penghargaan

### KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita /penulisan rencana / kolumnis / mengenai **isu-isu berkait dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP), penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.**
2. Penulisan dan pelaporan yang memberi **impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang KKP.**
3. Karya-karya yang **mempromosikan aktiviti KKP, produktiviti, pembangunan modal insan dan kesan** kepada penduduk setempat mahupun kepada negara.
4. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
5. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam format PDF yang dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
6. Jika tulisan itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
7. Penyertaan terbuka kepada Bahasa Melayu dan Inggeris.

**KATEGORI B. ANUGERAH MEDIA PENYIARAN TELEVISYEN DAN VIDEO DALAM TALIAN**

Hadiah pertama	: Wang tunai RM 2,500.00, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah kedua	: Wang tunai RM 1,500.00, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah ketiga	: Wang tunai RM 1,000.00, trofi dan sijil penghargaan

**KRITERIA :**

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita/dokumentari/ bual bicara/ wawancara/ program mengenai **isu-isu berkait dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP), penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.**
2. Karya yang memberi **impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang KKP.**
3. Karya-karya yang **mempromosikan aktiviti KKP, produktiviti, pembangunan modal insan dan kesan** kepada penduduk setempat mahupun kepada negara.
4. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
5. Karya yang disiarkan **hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan jurukamera berkenaan.** Peranan wartawan hendaklah ditampikan dengan “standupper”.
6. Hanya siaran pertama sahaja layak menyertai. **Tayangan ulang siar tidak layak.**
7. Bahan penyertaan video hendaklah dikemukakan dalam format MP4 dengan resolusi video 720p atau 1080p, dan dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
8. **Bahan penyertaan yang dihantar bukan “raw material”** dan hendaklah salinan daripada karya yang telah disiarkan. Hanya karya yang disiarkan sahaja diadili.
9. Penyertaan terbuka kepada Bahasa Melayu dan Inggeris.

**KATEGORI C. ANUGERAH MEDIA PENYIARAN RADIO DAN RADIO DALAM TALIAN**

Hadiah pertama	: Wang tunai RM 2,500.00, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah kedua	: Wang tunai RM 1,500.00, trofi dan sijil penghargaan
Hadiah ketiga	: Wang tunai RM 1,000.00, trofi dan sijil penghargaan

**KRITERIA :**

1. Anugerah ini diberikan kepada dokumentari/ bual bicara/ wawancara/ program mengenai **isu-isu berkait dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP), penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.**
2. Karya yang memberi **impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang KKP.**
3. Karya-karya yang **mempromosikan aktiviti KKP, produktiviti, pembangunan modal insan dan kesan** kepada penduduk setempat mahupun kepada negara.
4. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
5. Hanya siaran pertama sahaja layak menyertai. **Bahan ulang siar tidak layak.**
6. Bahan penyertaan radio hendaklah dikemukakan dalam format MP3 dan dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
7. **Bahan penyertaan yang dihantar bukan "raw material"** dan hendaklah salinan daripada karya yang telah disiarkan. Hanya karya yang disiarkan sahaja diadili.
8. Penyertaan terbuka kepada Bahasa Melayu dan Inggeris.